



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.11(85)
Tarikh : 28 Oktober 2025

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN 3 TAHUN 2025

KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2026 BAGI SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Kalendar Akademik Tahun 2026 bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan.

2. Kementerian Pendidikan (KPM) ingin memaklumkan bahawa Kalendar Akademik Tahun 2026 akan bermula pada **11 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026** bagi sekolah di negeri **Kumpulan A** (Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan pada **12 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026** bagi sekolah di negeri **Kumpulan B** (Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya) seperti **dalam Lampiran A dan Lampiran B**.

3. Kementerian telah menyelaras tarikh-tarikh bagi cuti perayaan sepanjang tempoh sesi persekolahan tahun 2026 yang melibatkan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Pesta Kaamatan, Hari Gawai Dayak dan Hari Krismas. Maklumat terperinci berhubung cuti perayaan bagi sesi persekolahan tahun 2026 adalah seperti dalam **Lampiran C**. Semua sekolah hendaklah mematuhi peruntukan cuti tambahan oleh KPM sempena perayaan utama bagi sambutan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali. Peruntukan cuti tambahan berkenaan **tidak perlu diganti**.

4. KPM juga menetapkan tarikh pembukaan **sesi persekolahan tahun 2027 akan bermula pada 4 Januari 2027 bagi Kumpulan A dan Kumpulan B**. Langkah penyeragaman ini bertujuan memastikan keselarasan pembukaan sesi persekolahan tahun 2027 di seluruh negara, sekali gus memudahkan perancangan pentadbiran sekolah serta pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih teratur dan efektif.

5. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai hari pertama persekolahan Kalendar Akademik Tahun 2026.

6. Kalendar Akademik Tahun 2026 boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.


7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan

KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2026

KUMPULAN A :

Sekolah-sekolah di negeri: Kedah, Kelantan dan Terengganu

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	11.01.2026	31.01.2026	15	10
	01.02.2026	28.02.2026	15	
	01.03.2026	19.03.2026	14	
	JUMLAH HARI		44	
	CUTI PENGGAL 1, TAHUN 2026			1
	20.03.2026 - 28.03.2026		9	
	29.03.2026	31.03.2026	3	8
	01.04.2026	30.04.2026	22	
	01.05.2026	21.05.2026	15	
	JUMLAH HARI		40	
	CUTI PERTENGAHAN TAHUN 2026			2
	22.05.2026 - 06.06.2026		16	
2	07.06.2026	30.06.2026	17	12
	01.07.2026	31.07.2026	22	
	01.08.2026	27.08.2026	19	
	JUMLAH HARI		58	
	CUTI PENGGAL 2, TAHUN 2026			1
	28.08.2026 - 05.09.2026		9	
	06.09.2026	30.09.2026	18	13
	01.10.2026	31.10.2026	21	
	01.11.2026	30.11.2026	20	
	01.12.2026	03.12.2026	3	
	JUMLAH HARI		62	4
	CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN TAHUN 2026			
	04.12.2026 - 31.12.2026		28	

KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2026
KUMPULAN B :

Sekolah-sekolah di negeri: Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	12.01.2026	31.01.2026	15	10
	01.02.2026	28.02.2026	15	
	01.03.2026	20.03.2026	13	
	JUMLAH HARI		43	
	CUTI PENGGAL 1, TAHUN 2026			1
	21.03.2026 - 29.03.2026		9	
	30.03.2026	31.03.2026	2	8
	01.04.2026	30.04.2026	22	
	01.05.2026	22.05.2026	15	
	JUMLAH HARI		39	
	CUTI PERTENGAHAN TAHUN 2026			2
	23.05.2026 - 07.06.2026		16	
2	08.06.2026	30.06.2026	16	12
	01.07.2026	31.07.2026	23	
	01.08.2026	28.08.2026	19	
	JUMLAH HARI		58	
	CUTI PENGGAL 2, TAHUN 2026			1
	29.08.2026 - 06.09.2026		9	
	07.09.2026	30.09.2026	17	13
	01.10.2026	31.10.2026	22	
	01.11.2026	30.11.2026	19	
	01.12.2026	04.12.2026	4	
	JUMLAH HARI		62	4
	CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN TAHUN 2026			
	05.12.2026 - 31.12.2026		27	

CUTI PERAYAAN TAHUN 2026

CUTI PERAYAAN	TAMBAHAN CUTI PERAYAAN YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)		
	KUMPULAN A	KUMPULAN B	CATATAN
TAHUN BARU CINA 17.02.2026 (Selasa) dan 18.02.2026 (Rabu)	15.02.2026 (Ahad)	16.02.2026 (Isnin)	Tiga (3) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Kumpulan B
	16.02.2026 (Isnin)	19.02.2026 (Khamis)	
	19.02.2026 (Khamis)	20.02.2026 (Jumaat)	
HARI RAYA AIDILFITRI 21.03.2026 (Sabtu) dan 22.03.2026 (Ahad)	19.03.2026 (Khamis)	19.03.2026 (Khamis)	Satu (1) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan B
		20.03.2026 (Jumaat)	
HARI DEEPAVALI 08.11.2026 (Ahad) (kecuali Negeri Sarawak)	09.11.2026 (Isnin)	10.11.2026 (Selasa) Semua Negeri Kumpulan B kecuali Negeri Sarawak	Satu (1) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Kumpulan B
		09.11.2026 (Isnin) Negeri Sarawak sahaja	Satu (1) Hari Cuti Peruntukan KPM

KUMPULAN A:

Sekolah-sekolah di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu

KUMPULAN B:

Sekolah-sekolah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

CATATAN:

Perayaan Hari Raya Aidilfitri	: 21 & 22 Mac 2026 (Dalam Cuti Penggal 1, Tahun 2026)
Pesta Kaamatan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja)	: 30 & 31 Mei 2026 (Dalam Cuti Pertengahan Tahun 2026)
Perayaan Hari Gawai Dayak (Sarawak sahaja)	: 01 & 02 Jun 2026 (Dalam Cuti Pertengahan Tahun 2026)
Perayaan Hari Krismas	: 25 Disember 2026 (Dalam Cuti Akhir Persekolahan Tahun 2026)